

FOKUS



Edisi Januari – Mac 2019

EiMAS

JAS SASAR 1700 ORANG YANG BERWIBAWA PADA 2019

MS. 7



Majlis Ramah Mesra YBhg. Dato' KPAS Dengan Warga EiMAS

MS. 5

Program Kecergasan & Kesihatan KESUMAS

MS. 12

Perhimpunan Bulanan Bil.2/2019 dan Majlis Persaraan En. Mohamad Roslan Bin Mohamad Yusof

MS. 10

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018

MS. 28

FOKUS



Edisi Januari – Mac 2019

EiMAS

SIDANG REDAKSI EDISI JANUARI – MAC 2019

PENASIHAT

Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S
Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia
(EiMAS)
sz@doe.gov.my

PENGARANG

Encik Ahmad Saifful Bin Salihin
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri
saifful@doe.gov.my

Puan Mazriah Ayu Binti Abu Bakar
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Penilaian
mazriah@doe.gov.my

Cik Azlina Binti Omar
Penolong Pengarah
Pusat Penilaian
Azlinaomar@doe.gov.my

Puan Rozita Binti Abdul Jalil
Penolong Pegawai Kawalan Kanan
Pusat Penilaian
rj@doe.gov.my

Encik Mohd Aftar Bin Balliah
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Korporat & Komunikasi Strategik
mab@doe.gov.my

PENGARANG

Puan Fazlina Binti Fauzi
Penolong Pustakawan
Unit Perpustakaan
fazlina@doe.gov.my

Encik Mohd Alimi Bin Ayub
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Unit Pentadbiran dan Kewangan
alimi@doe.gov.my

Encik Muhamad Shuhada Bin Idris
Penyelia Asrama
Unit Pentadbiran dan Kewangan
shuhada@doe.gov.my

PENYELARAS & REKABENTUK

Puan Mazleen Binti Othman
Pustakawan
Unit Perpustakaan
mazleen@doe.gov.my

Puan Fazlina Binti Fauzi
Penolong Pustakawan
Unit Perpustakaan
fazlina@doe.gov.my

Puan Hillney Binti Sedan
Pembantu Pustakawan
Unit Perpustakaan
hillney@doe.gov.my

FOKUS



Edisi Januari – Mac 2019

EiMAS

ISI KANDUNGAN

- | | |
|--|----------|
| 1. Perhimpunan Bulanan Eimas Bil.1/2019 : | Ms 1 |
| 2. Mesyuarat Agung Kali Pertama KESUMAS : | MS 2-4 |
| 3. Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar | MS 5-6 |
| 4. Seminar Pematuhan Continuing Professional
Development (CPD Hours) untuk OYB | MS 7-9 |
| 5. Perhimpunan Bulanan Bil.2/2019 dan Majlis Persaraan
En. Mohamad Roslan Bin Mohamad Yusof | MS 10-11 |
| 6. Program Kecergasan dan Kesihatan KESUMAS Siri 1/2019 | MS 12-14 |
| 7. Program Perkongsian Ilmu : Hibah dan Harta Pusaka | MS 15 |
| 8. Gotong Royong Perdana EKSA EiMAS 2019 | MS 16-18 |
| 9. Kursus <i>Try Run Land Disturbing Pollution Prevention and
Mitigation Measures (LDP2M2) Designer Training Program</i> | MS 19-20 |
| 10. Audit Dalam EKSA EiMAS | MS 21-23 |
| 11. Naziran Gaji MESTECC di EiMAS | MS 24-25 |
| 12. Lawatan Dr. Jerald S. Fifield ke Perpustakaan EiMAS | MS 26-27 |
| 13. Majlis Apresiasi MESTECC 2019 | MS 28-29 |



PERHIMPUNAN BULANAN EIMAS BIL.1/2019

Tarikh: 8 Januari 2019
Tempat : Bilik Melur, EIMAS

Disediakan oleh : Encik Mohd Aftar Bin Balliah (KPP Pusat Korporat dan Komunikasi Strategik)

Perhimpunan Bulanan EIMAS bil.1/2019 telah diadakan pada 8 Januari 2019. Perhimpunan ini adalah merupakan perhimpunan yang pertama buat Pengarah baru, Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S, yang telah dilantik sebagai Pengarah EIMAS yang ke 9 pada 12 November 2018

Dalam Amanatnya, beliau memohon agar warga EIMAS sentiasa bekerjasama dalam mengekalkan EIMAS sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan di dalam Jabatan Alam Sekitar. Beliau juga mengingatkan semua warga EIMAS untuk memastikan integriti berada di tahap yang tinggi.



“warga EIMAS perlu memastikan integriti berada ditahap yang tinggi..”

Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S
Pengarah EIMAS



MESYUARAT AGUNG KALI PERTAMA KESUMAS

Tarikh : 8 Januari 2019

Tempat : Bilik Melur, EiMAS

Mesyuarat Agung Kali Pertama Kelab Sukan dan Kebajikan Institut Alam Sekitar Malaysia (KESUMAS) telah diadakan pada 8 Januari 2019 dengan kehadiran seramai 43 orang ahli termasuk Exco.

Mesyuarat mengalu-alukan kedatangan Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S selaku Penaung KESUMAS yang turut merasmikan mesyuarat tersebut.

Pelbagai program dan aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan semangat kerjasama dan toleransi sebagai satu pasukan. Tahniah diucapkan kepada semua ahli KESUMAS khususnya barisan Exco yang telah memberikan sumbangan sepanjang tahun 2017 dan 2018.



Tahniah kepada Puan Mehrani Binti Saharudin dan Puan Norhayati Binti Md Nor kerana telah dinobatkan sebagai Icon Membaca EIMAS bagi tahun 2018.



TAHNIAH!!

**Pencarian Icon Membaca
EIMAS
2018**

**ICON
FINDER**



**Rujukan Teknikal:
Pn. Mehrani bt. Saharudin**

**Rujukan Umum:
Pn. Norhayati bt. Md Nor**



PERPUSTAKAAN EIMAS

Selamat Maju Jaya Puan Sufiah Binti Sulaiman atas pertukaran beliau ke Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM di Kuala Lumpur pada 15 Januari 2019.



Tahniah dan Selamat Pengantin Baharu Puan Noriah Binti Abdullah, semoga bahagia hingga ke Jannah.

Kemuncak mesyuarat, pelantikan Exco KESUMAS yang baharu bagi sesi 2019/2020 telah diumumkan bagi menggantikan barisan Exco yang lama melalui keputusan undian secara atas talian.

Tahniah diucapkan kepada Exco yang baharu, semoga dapat meneruskan momentum kecemerlangan dan mencurahkan khidmat bakti terbaik sebagai penghargaan atas kepercayaan yang telah diberikan oleh ahli-ahli.



EXCO KESUMAS SESI 2019/2020

Pengerusi : Ahmad Saifful bin Salihin

Naib Pengerusi : Mohd Alimi bin Ayub

Setiausaha : Mazleen bt Othman

Penolong Setiausaha : Fazlina bt Fauzi

Bendahari : Mehrani bt Saharudin

Penolong Bendahari : Shahanim bt Hashim

Biro Ekonomi : Mohd Aizuddin bin Ab Razak

Biro Ekonomi : Sharina bt Mohd Yunus

Biro Agama & Kebajikan : Asmizar bin Ahmad@Ahmad Kushairi

Biro Agama & Kebajikan : Rozita bt Abdul Jalil

Biro Sosial : Azlina bt Omar

Biro Sosial : Salmiah bt Umar

Biro Sukan : Muhamad Shuhada bin Idris Muhamad

Biro Sukan : Sufian bin Sarohman

Audit Dalam : Zaidi bin Mohamed@Awang

Audit Dalam : Mazriah Ayu bt Abu Bakar



MAJLIS RAMAH MESRA WARGA EiMAS BERSAMA KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR

Tarikh: 10 Januari 2019

Tempat : Bilik Melur, EiMAS

“ pegawai JAS yang kompeten, hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar seiring dengan perkembangan semasa ”

YBhg. Dato' Dr. Ahmad

Kamarulnajib bin Che Ibrahim

Warga EiMAS mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ybgh. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia ke Majlis Ramah Mesra bersama Warga EiMAS yang telah berlangsung pada 10 Januari 2019.



Di dalam ucapan beliau turut menyentuh mengenai pelaksanaan *Environmental Mainstreaming Tools* yang telah dilaksanakan ini boleh mengubah industri di Malaysia ke arah industri yang mengamalkan pematuhan sendiri (*self regulation*) dan lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.



Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S, di atas pelantikan sebagai Pengarah EiMAS ke-9. Beliau berharap EiMAS terus menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan dan menjadi Institusi berbentuk latihan kompetensi kepada Industri.



SEMINAR PEMATUHAN
CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT
(CPD HOURS)
UNTUK ORANG YANG BERWIBAWA
4 MAC 2019
ANJURAN
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (E'IMAS)



SEMINAR PEMATUHAN CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD HOURS) UNTUK ORANG YANG BERWIBAWA

Tarikh : 4 Mac 2019

Tempat : Hotel Tenera, Bangi

Disediakan oleh : En. Mohd Aizuddin Bin Ab. Razak

PK Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri





Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Institut Alam Sekitar Malaysia (KESUMAS) telah berjaya menganjurkan Seminar Pematuhan *Continuing Professional Development (CPD Hours)* Untuk Orang Yang Berwibawa pada 4hb. Mac 2019 bertempat di Hotel Tenera Bangi. Penganjuran seminar ini adalah merupakan salah satu program *engagement* yang melibatkan Orang Yang Berwibawa yang telah ditauliahkan bersama pihak EiMAS melalui Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri.

Antara objektif penganjuran seminar ini adalah untuk memberi kefahaman kepada OYB berkenaan Garis Panduan *CPD Hours* yang terkini selain memberikan latihan penggunaan sistem dalam talian iaitu *National Registry of Certified Environmental Professional (NRCEP)*.



Penganjuran seminar ini juga dapat memberi peluang kepada OYB untuk berinteraksi dengan pihak pengurusan EIMAS dan juga urusetia Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri. Seminar ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan jumlah penyertaan seramai 260 orang peserta yang terdiri daripada Orang Yang Berwibawa dari seluruh negara. Selain itu, seminar ini turut dijayakan dengan penyertaan daripada pempamer daripada syarikat swasta dan juga Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat



Antara agenda program adalah perasmian seminar yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. YBhg. Dato' juga telah meluangkan masa untuk menyampaikan ceramah bertajuk *Guided Self Regulation*. Dua slot ceramah seterusnya telah disampaikan oleh wakil Pusat Kompetensi dan Pensijilan industri EIMAS dan program seminar telah ditutup dengan sesi dialog bersama Pengarah EIMAS.



PERHIMPUNAN BULANAN BIL.2/2019 DAN MAJLIS PERSARAAN EN. MOHAMAD ROSLAN BIN MOHAMAD YUSOF

Perhimpunan Bulanan EiMAS Bil.2/2019 telah diadakan pada 6 Mac 2019. Semasa perhimpunan ini, YBrs. Puan Norlin Binti Jaafar, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan (TKPP) telah hadir sebagai tetamu khas EiMAS dan turut menyampaikan amanat beliau kepada warga EiMAS.

Dalam amanat yang disampaikan, beliau menyentuh mengenai transformasi yang sedang berlaku dalam Jabatan Alam Sekitar dalam memantapkan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Beliau juga berharap agar warga EiMAS dapat menerapkan nilai 4P dalam tugas seharian iaitu Profesional dan tegas, Proaktif, Positif dan Rasional serta Persistence.



Tarikh: 6 Mac 2019

Tempat : Bilik Melur, EiMAS

**Disediakan oleh : Encik Mohd Aftar Bin Balliah
(KPP Pusat Korporat dan Komunikasi Strategik)**



PPKK En. Mohamad Roslan Bin Mohamad Yusof turut diraikan pada hari tersebut bersempena dengan Majlis Persaraan beliau.



Selamat bersara Pak Lan, kami doakan Pak Lan sentiasa bahagia dan berjaya di dunia dan di akhirat.



Jasamu sepanjang perkhidmatan di JAS akan sentiasa dikenang, terima kasih Pak Lan.

PROGRAM KECERGASAN & KESTIHATAN KESUMAS 2019

SIRI I

TARIKH : 28 FEB 2019 (KHAMIS)

MASA : 8.30 - 10.30 PAGI

TEMPAT : GELANGGANG SUKAN EIMAS



MASA

AGENDA

- | | |
|-------------------|--|
| <i>8.30 pagi</i> | <i>Pendaftaran dan Sarapan Pagi</i> |
| <i>8.45 pagi</i> | <i>Senaman Ringan Berirama</i> |
| <i>9.00 pagi</i> | <i>Perlawanan Persahabatan Bola Tampar
Kumpulan Wanita KESUMAS dengan
PUSPANITAJAS</i> |
| <i>9.30 pagi</i> | <i>Perlawanan Bola Tampar Kakitangan EIMAS
Kumpulan 1 dengan Kumpulan 2</i> |
| <i>10.00 pagi</i> | <i>Penyampaian Sijil Penyertaan</i> |
| <i>10.30 pagi</i> | <i>Bersurai</i> |

PROGRAM KECERGASAN DAN KESIHATAN KESUMAS SIRI 1/2019



Tarikh : 28 Februari 2019
Tempat : Gelanggang Sukan, EIMAS
Disediakan oleh : En. Muhamad Shuhada Bin Idris (Biro Sukan, KESUMAS)



Program Kecergasan dan Kesihatan KESUMAS Siri 1, telah diadakan pada 28 Februari 2019 dengan penyertaan semua warga EIMAS.

Penganjuran program sebegini dapat mewujudkan hubungan baik diantara pegawai dengan kakitangan serta memupuk semangat berpasukan dan individu yang komited dalam mengendalikan sesuatu program. Selain itu melalui sukan juga mampu melahirkan pekerja yang cemerlang, sihat dan aktif mental dan fizikal.

Acara kemuncak pada pagi tersebut ialah Perlawanan Persahabatan Bola Tampar Wanita diantara Pasukan EIMAS dan Pasukan PUSPANITA JAS. Program berakhir dengan penyampaian sijil penyertaan oleh Pengarah EIMAS, Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S.





Perlawanan Persahabatan Bola Tampar Wanita antara Team EiMAS dan Team PUSPANITA Jabatan Alam Sekitar (JAS)



Acara pagi dimulakan dengan Senaman Berirama yang diketuai oleh KPP En. Ahmad Saifful Bin Salihin, Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan EiMAS (KESUMAS)



PROGRAM PERKONGSIAN ILMU



15 MAC 2019 (JUMAAT) | 9.00 PAGI - 11.00 PAGI
BILIK TERATAI, INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EIMAS)



"Hibah dan Harta Pusaka"

OLEH:
USTAZ INDERA SHAHRIL BIN MOHD SHAHID
BAHAGIAN HARTA BAITULMAL
SEKTOR BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)



ANJURAN BIRO AGAMA DAN KEBAJIKAN | KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (KESUMAS)

Pada 15 Mac 2019 yang lalu, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah mengadakan Program Perkongsian Ilmu dengan topik yang menarik perhatian seramai kira-kira 28 orang kakitangan EiMAS. Topik bertajuk "Hibah dan Harta Pusaka" telah disampaikan oleh YBhg. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid yang dijemput khas dari Bahagian Harta Baitulmal, Sektor Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Disediakan oleh: KPP En. Ahmad Saifful Bin Salihin
(Pengerusi KESUMAS)



Ceramah beliau ini berkisar mengenai apakah pengertian hibah, pembahagian harta pusaka, kaedah faraid dan juga wasiat. Ceramah ini memberi manfaat kepada peserta mengenai kepentingan membuat perancangan harta yang bakal ditinggalkan apabila meninggal dunia kelak untuk mengelakkan masalah pembahagian harta pada masa akan datang.



**2.30 PETANG HINGGA
5.00 PETANG**

**14 JANUARI 2019
(ISNIN)**

GOTONG ROYONG PERDANA EKSA EiMAS 2019

ATURCARA PROGRAM

- 2.30 PETANG : BERKUMPUL DI LOBI UTAMA MENGIKUT ZON**
- 2.45 PETANG : AMANAT OLEH PENGARAH EiMAS**
- 2.55 PETANG : SIMBOLIK PROGRAM EKSA 2019**
- 3.00 PETANG : GOTONG ROYONG BERMULA**

NOTA:

- SETIAP ZON PERLU MERANCANG AKTIVITI YANG AKAN DILAKSANAKAN DI ZON MASING-MASING**
- MINUM PETANG DISEDIAKAN**

#jomeksaeimas #gotongroyongperdanaeksaeimas2019

GOTONG ROYONG PERDANA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) EIMAS

Tarikh: 14 Januari 2019

Tempat: EIMAS



Program Gotong-Royong Perdana Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan di EIMAS pada 14 Januari 2019. Program ini telah dikoordinasikan oleh Jawatankuasa EKSA Induk EIMAS. Gotong-royong perdana ini diadakan dengan memberi tumpuan kepada kekemasan dan kebersihan ruang kerja kakitangan dan Bilik Pegawai disamping untuk mengekalkan keceriaan dan persekitaran kerja yang kondusif serta sentiasa amal sepertiamana dalam amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam.

Sebagai Penyelaras EKSA Induk EIMAS, KPP Puan Mehrani Binti Saharudin telah memberikan taklimat ringkas mengenai pelaksanaan gotong-royong secara berperingkat. Pelancaran program telah disempurnakan oleh Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S (Pengarah EIMAS) dengan penyerahan Fail dan plastik sampah kepada ketua Zon Neon, Zon Argon dan Zon Xenon sebagai simbolik bermulanya aktiviti gotong-royong. Secara keseluruhannya program ini dapat meningkatkan kesedaran warga EIMAS mengenai kepentingan EKSA dalam memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan bersih.



Zon Neon



Zon Argon

Penyerahan Fail Zon berserta plastik sampah sebagai simbolik Pelancaran Gotong Royong Perdana EKSA EiMAS oleh Pengarah EiMAS kepada Ketua-ketua Zon.



Zon Xenon



KURSUS *TRY RUN LAND DISTURBING POLLUTION PREVENTION AND MITIGATION MEASURES (LDP2M2) DESIGNER TRAINING PROGRAM*

Tarikh: 11 hingga 15 Mac 2019

Tempat: Bilik Melur, EiMAS

Disediakan oleh: KPP Puan Mazriah Ayu Binti Abu Bakar, PK Cik Azlina Binti Omar dan PPKK Puan Rozita Binti Abdul Jalil

Hakisan tanah dan sedimentasi telah menjadi salah satu isu utama dalam pelaksanaan projek EIA di Malaysia. Pembukaan tanah secara tidak terkawal dalam melaksanakan projek EIA boleh menyumbang kepada berlakunya masalah hakisan tanah dan sedimentasi. Oleh yang demikian Jabatan Alam Sekitar telah merangka satu strategi baru untuk menangani masalah ini dengan memperkenalkan *Land Disturbing Pollution Prevention and Mitigation Measure (LDP2M2)* yang bertujuan untuk mengurangkan masalah hakisan tanah dan sedimentasi yang berlaku daripada projek EIA.



Active Treatment System (ATS)

Pump, Chemical Dosing/ PAM Polymer, Flocculation & Geotube

LDP2M2 merujuk kepada penggunaan kaedah pembinaan, proses, bahan dan amalan yang bertujuan untuk mencegah, mengurangkan, meminimumkan atau menghapuskan pelepasan sedimen dari kawasan pembangunan yang mengandungi bahan pencemar utama (pepejal terampai) yang disebabkan oleh aktiviti gangguan tanah.

Kompetensi dalam bidang alam sekitar amat penting bagi memastikan mereka yang berkecualan sahaja diberikan peranan untuk menguruskan aspek-aspek pengurusan alam sekitar dengan berkesan. Oleh yang demikian, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS), Jabatan Alam Sekitar di bawah projek pembangunan RMK-11, telah membangunkan Modul Latihan Land Disturbing Pollution Prevention And Mitigation Measures (LDP2M2) Designer Training Program.

Objektif program latihan ini adalah untuk membimbing dan memberikan maklumat dari segi kriteria reka bentuk amalan berkesan Best Management Practices (BMPs) dalam kawalan hakisan dan kelodakan. Modul ini akan menjadi rujukan kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS), Perunding EIA dan Pengamal Alam Sekitar. LDP2M2 Designer Training Program adalah modul latihan yang komprehensif dan khusus untuk pereka dan penilai.

Penceramah Jemputan khas kursus ini ialah Dr. Jerald S. Fifield dari Amerika Syarikat yang juga merupakan penulis buku bertajuk Field Manual on Sediment and Erosion Control : Best Management Practices: for Contractors and Inspectors dan buku bertajuk Designing and Reviewing: Effective Sediment and Erosion Control Plans.



Peserta kursus bersama Pengarah EiMAS dan penceramah-penceramah jemputan



AUDIT DALAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) EIMAS PADA

21-22 MAC 2019

Tarikh: 21 hingga 22 Mac 2019

Tempat: Zon EKSA, EIMAS

Disediakan oleh: Puan Fazlina Binti Fauzi (JK Audit EKSA Induk, EIMAS)



Jawatankuasa Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) EIMAS telah berjaya menjalankan satu Audit Dalaman EKSA pada 21 - 22 Mac 2019. Tiga (3) zon telah terlibat dalam pengauditan yang julung kali diadakan di EIMAS iaitu **Zon Neon, Zon Argon dan Zon Xenon**. Ketiga-tiga Zon telah diaudit secara *Inter-zone*.

Tujuan pengauditan:

- ✓ Penilaian Berdasarkan Etika Dan Kriteria Yang Ditetapkan
- ✓ Sebagai Garis Panduan Yang Seragam
- ✓ Penilaian Dilaksanakan Mengikut Standard Yang Ditetapkan Berdasarkan Etika Kerja Yang Tinggi

Fokus Pengauditan Amalan Eksa

- ✓ Imej Korporat
- ✓ Kekemasan
- ✓ Pengawasan
- ✓ Kemudahkesanan
- ✓ Kitar Semula
- ✓ Keselamatan
- ✓ Kebersihan



Kaedah/ Pendekatan Pengauditan Eksa


- ✓ Pemerhatian/ Pemeriksaan
- ✓ Waktu Audit – semasa waktu kerja
- ✓ Kriteria Audit – gunakan kriteria Audit EKSA
- ✓ Borang Audit – Rekod penemuan
- ✓ Interaksi – antara kumpulan dan pekerja.
- ✓ Maklumbalas – dapatkan maklumat atau perkara-perkara berbangkit.
- ✓ Tempoh Masa – tentukan tempoh masa yang sesuai.
- ✓ Ambil gambar – sebagai bahan bukti




Pengauditan EKSA di EiMAS mengambil kira **Penilaian di Bawah Model A, iaitu Bangunan dan Kawasan Sendiri - Komponen A - E1.**

- Dua (2) ruang kerja/bilik telah dipilih oleh pengaudit sebagai bilik **CEMERLANG** yang disifatkan hampir menepati ciri-ciri Amalan EKSA. Majoriti yang lain adalah pada **tahap SEDERHANA** dan akan sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa;
- Ruang Gunasama - Majoriti ruang gunasama di EiMAS berada pada tahap **SEDERHANA** dan masih belum mencapai tahap Cemerlang. 1/3 ruang gunasama pula berada pada tahap **USAHA LAGI**. Ini disebabkan kekangan pegawai dan staf EiMAS dengan komitmen kerja/tugas harian; dan
- Audit Dalaman EKSA pada kali kedua akan memfokuskan kepada beberapa kelemahan yang telah dikenalpasti pada Audit Dalaman pada kali pertama.

Audit Dalam ini akan dilakukan secara berkala sebanyak tiga kali sebelum Audit Pensijilan MAMPU.



Ruang kerja



Tempat letak kenderaan berbumbung



Carta pergerakan pegawai mengikut Zon



Zon Argon



Ruang kerja



Zon Neon

EN MAZLAN	TARIKH/MASA	KENDERAAN	TARIKH/MASA	KENDERAAN
PN. KHATIJAH	08/09/2019	VAH - Perak (Persekitaran) (Per. Silat)	11/09/2019	PREVE - (Per. Silat) (Silat) (Per. Silat)
EN. M. SHUHADA			15/09/2019	PREVE - (Per. Silat) (Silat) (Per. Silat)
PN. SALMIAH			16/09/2019	Perak, Perak (Perak) (Perak) (Perak)
PN. TUSIAN				
PN. IDAYU	09/09/2019			
PN. NORIAH				
PN. NORHAYATI				
EN. M. SUFIAN				

Zon Xenon

NAZIRAN GAJI MESTECC DI INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)

Tarikh: 27 hingga 29 Mac 2019

Tempat: EiMAS

Disediakan oleh: En. Mohd Alimi Bin Ayub (Penolong Pegawai Tadbir Kanan)



Senarai dokumen yang disemak bagi tujuan naziran tersebut adalah melibatkan dokumen bagi tempoh Januari hingga Disember 2018 seperti berikut:

- Carta Organisasi
- Penurunan Kuasa AP11 oleh Pegawai Pengawal
- Master Listing
- Borang Perubahan Gaji (SG 20)
- Buku Rekod Perkhidmatan
- Senarai Pegawai yang Bersara/Berhenti Tahun 2018

Ahli pasukan Naziran MESTECC adalah seramai 6 orang pegawai yang diketuai oleh Puan Noorelena binti Abu Bakar, Akauntan WA48.

Pasukan Naziran Gaji dari MESTECC telah membuat naziran di Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) pada 27 – 29 Mac 2019. Naziran ini selarasa dengan Arahan Perbendaharaan 138 yang mana Naziran Gaji akan dilaksanakan ke atas Pusat Pembayar Gaji yang telah melaksanakan gaji mulai Januari 2018. Naziran ini juga bertujuan memastikan Pusat Pembayar Gaji mematuhi semua peraturan kewangan dan perakaunan semasa yang berkuatkuasa.





Sesi *Entrance Meeting* naziran tersebut dihadiri oleh Y.Brs Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Pengarah EiMAS dan pegawai-pegawai dari Unit Pentadbiran & Kewangan seperti senarai nama berikut:

- Encik Mohd Alimi bin Ayub (PPTK – N32)
- Puan Shanim bin Hashim (Penolong Akautan (KUP- W29)
- Puan Siti Khatijah binti Md Suki (Ketua Pembantu Tadbir – N22)
- Puan Salmiah binti Umar (Pembantu Tadbir N19)
- Puan Tusiah binti Mohd Yusop (Pembantu Tadbir N19)
- Puan Sharina binti Mohd Yunus (Pembantu Tadbir (Kew) W19)

Senarai dokumen yang disemak bagi tujuan naziran tersebut adalah melibatkan dokumen bagi tempoh Januari hingga Disember 2018 seperti berikut:

- Carta Organisasi
- Penurunan Kuasa AP11 oleh Pegawai Pengawal
- Master Listing

- Borang Perubahan Gaji (SG 20)
- Buku Rekod Perkhidmatan
- Senarai Pegawai yang Bersara/Berhenti Tahun 2018
- Senarai Pegawai Bertukar Keluar Tahun 2018 beserta Sijil Gaji Akhir (SGA/LPC)
- Senarai Pegawai yang Bercuti Tanpa Gaji/Separuh Gaji Tahun 2018
- Senarai Pegawai yang Dikenakan Tindakan Tatatertib Dengan Penahanan Emolumen Tahun 2018
- Senarai KGT Pegawai Mengikut Bulan Tahun 2018

Sesi *Exit Meeting* pada 29 Mac 2019 turut dihadiri oleh pegawai yang sama dan berakhir pada jam 11.45 tengahari.

Berdasarkan naziran yang telah dijalankan, pihak naziran MESTECC berpendapat tahap kawalan dalaman keseluruhan pengurusan gaji EiMAS adalah CEMERLANG.

LAWATAN DR. JERALD S. FIFIELD KE PERPUSTAKAAN EIMAS

Tarikh: 12 Mac 2019

Tempat: Perpustakaan EIMAS



Perpustakaan EIMAS berbesar hati menerima kunjungan daripada penulis tersohor dalam bidang sedimen dan kawalan hakisan iaitu Dr. Jerald S. Fifield (*President and Principal Hydrologist HydroDynamics Incorporated*)



YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib Bin Che Ibrahim (Ketua Pengarah Alam Sekitar) turut mengiringi Dr. Jerald S. Fifield semasa lawatan.



Dr. Jerald S. Fifield menandatangani buku yang ditulis oleh beliau yang merupakan antara bahan rujukan utama di Perpustakaan EIMAS.





MAJLIS APRESIASI MESTECC 2019

Tarikh: 7 Mac 2019

Tempat: Putrajaya International Convention Centre (PICC)

Disediakan oleh: En. Mohd. Alimi Bin Ayub (Penolong Pegawai Tadbir Kanan)

Seramai 450 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta 110 orang pesara dan bakal pesara diraikan dalam Majlis Apresiasi MESTECC 2019 yang diadakan pada 7 Mac 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis telah disempurnakan oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Hj. Yahaya, Ketua Setiausaha, MESTECC, YBrs. Puan Noor Afifah Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), MESTECC, YBrs. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Timbalan Ketua Setiausaha, (Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) dan Ketua-ketua Jabatan MESTECC.

Majlis Apresiasi MESTECC 2019 adalah bertemakan Kuasai. Laksana. Ungguli. (Own It. Do It. Ace It.), yang merujuk pada manifestasi kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan MESTECC kepada pemegang taruh (stakeholders) dan rakyat agar dapat melahirkan pegawai yang meletakkan kualiti perkhidmatan pada tahap tertinggi.



Emapt orang pegawai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bagi Tahun 2018 dari EiMAS adalah seperti berikut:

- 1) Encik Zaidi bin Mohamed@Awang – Ketua Penolong Pengarah (C48) Pusat Bahan Berbahaya
- 2) Cik Azlina binti Haji Omar – Pegawai Kawalan Alam Sekitar (C44) Pusat Penilaian
- 3) Puan Hillney binti Sedan – Pembantu Pustakawan (S19) Unit Perpustakaan
- 4) Encik Muhamad Sufian bin Sarohman – Pembantu Awam (H11) Unit Pentadbiran & Kewangan.

Majlis tersebut juga turut meraikan pegawai-pegawai yang bakal bersara yang berkhidmat di bawah MESTECC dan agensi-agensi berkaitan. Pegawai yang dijemput hadir dari EiMAS adalah Encik Mohamad Roslan bin Mohamad Yusof Penolong Pegawai Kawalan (C32) Pusat Kawalan & Pengawasan Udara yang bakal bersara secara rasmi mulai 1 Mei 2019.

